



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JANUARI 2024



SIMBOLIK PENYERAHAN BENDERA JUBLI PERAK INSTUN SEMPENA PENUTUP SAMBUTAN JUBLI PERAK INSTUN

Muka Surat 17

SESI KOPI O TEH TARIK BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) BERSAMA PENGARAH INSTUN

Muka Surat 11



PENYERAHAN
TERBITAN INSTUN DAN
PEMINJAMAN BUKU
BERKELOMPOK
PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Muka Surat 12

KURSUS
DALAM TALIAN:
TANAH DI BAWAH
PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN

Muka Surat 2

**MENARIK
DI DALAM**

ISSN 2600-853X



9 772600 853003



www.instun.gov.my



Institut Tanah Dan Ukur Negara



[instun_official](https://www.instagram.com/instun_official)



INSTUN



INSTUN ACADEMY

#INSTUN25tahun #MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI

KETUA EDITOR
ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2024 bagi bulan Januari telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Januari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



KURSUS DALAM TALIAN : PELUPUSAN TANAH BILANGAN 1

TARIKH : 09 – 10 Januari 2024


TEMPAT : Dalam talian

PENCERAMAH : - En Zoolhalmy bin Razali
- En Zahar bin Sapar
- En Abnorhady bin Abu Bakar
- En Khalek bin Saad



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 53 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut :

- Sistem Pentadbiran Tanah di Malaysia dan pengenalan kepada KTN
- Pemberimilikan
- Perizaban dan Lesen Pendudukan Sementara
- Permit Bahan Batuan dan Permit Ruang Udara
- Laporan Tanah dan Surihan, Permintaan Ukur
- Laporan Tanah dan Surihan, Permintaan Ukur





KURSUS DALAM TALIAN: TANAH DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

TARIKH: 11 Januari 2024

TEMPAT : Kursus Dalam Talian (Zoom Meeting)

PENCERAMAH: En. Jaiya Bin Abu, JKPTG

RINGKASAN PROGRAM :	Kursus ini telah dihadiri seramai 90 orang di Penjawat Awam Persekutuan/ Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkaitan tanah.
---------------------	--



KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH KTN BIL 1 (TLE02/24)

TARIKH : 16-18 JANUARI 2024

TEMPAT : Dalam Talian Zoom Meet



RINGKASAN PROGRAM: Kursus ini telah dihadiri seramai 71 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan pembangunan tanah. Penceramah INSTUN En Abnorhady bin Abu Bakar dan En Zahar bin Sapar dan penceramah jemputan En Zamirzan bin Puji dari PLANMalaysia.





KURSUS DALAM TALIAN: PENGAMBILAN TANAH - PERANAN PENTADBIR TANAH DAN AGENSI PEMOHON

TARIKH : 23 Januari 2024

TEMPAT : Kursus Dalam Talian (Zoom Meeting)

PENCERAMAH : En. Ahmad Shahrizal Bin Abdul Mubin, JKPTG

RINGKASAN PROGRAM :	Kursus ini telah dihadiri seramai 89 orang terdiri daripada Penjawat Awam Persekutuan/ Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek pengambilan tanah.
---------------------	---



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH : MODUL 4 BILANGAN 1 (MODUL SELAIN KANUN TANAH NEGARA)

TARIKH : 29 Januari hingga 2 Februari 2024

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik, Blok Akademik C, INSTUN

PENCERAMAH : - En. Jaiya bin Abu
- En. Anesh Ganeson
- En. Farhan bin Hassan
- Hj. Ab. Aziz bin Ismail

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 17 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik/ Pegawai Tadbir Negeri dan Persekutuan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan peruntukkan yang bersangkutan dengan pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Perolehan dan Pengurusan Tanah Persekutuan
2. Akta Pengambilan Tanah 1960
3. Akta Hakmilik Strata 1985
4. Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
5. Pembentangan kursus dan Ujian.



KURSUS DALAM TALIAN : PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU



TARIKH : 30 – 31 Januari 2024

TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : - Pn Noranizawaty binti Yusof
- En Zahar bin Sapar
- Tn Hj Ab. Aziz bin Ismail

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 63 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan Kepada Enakmen-enakmen Rizab Melayu (ERM) Semenanjung Malaysia
- Pelupusan Dan Pembangunan Tanah Rizab Melayu
- Endorsan Dan Pembatalan Perisytiharan Rizab Melayu Dalam Hakmilik
- Urusniaga Dan Halangan Urusniaga Rizab Tanah Melayu
- Isu-Isu Dan Kes Mahkamah Tanah Rizab Melayu



MESYUARAT KAJIAN PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN ISLAM MENGUNAKAN GIS BAGI BANDAR PROTON, TANJUNG MALIM

4 Januari 2024



Mesyuarat ini diadakan bersama Ahli Jawatankuasa Khairat Kematian Proton City serta dipengerusikan oleh Sr Ahmad bin Omar iaitu ketua Program Ukur Kadaster.

Mesyuarat yang dijalankan selama hampir dua (2) jam ini membincangkan tentang penyediaan sistem database dan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi kehendak serta keperluan ahli khariah di kawasan berkenaan dalam menguruskan data tanah perkuburan.

Pembangunan sistem pangkalan data GIS bagi pengurusan tanah perkuburan islam di khariah Proton City ini akan dibentangkan kepada Jabatan Mufti Negeri Perak sebagai model pengurusan bersistem dan Insha Allah akan dikembangkan penggunaanya di seluruh Negeri Perak suatu masa nanti.



PROGRAM LAWATAN MENINGKATKAN KOMPETENSI TENAGA PENGAJAR INSTUN DALAM BIDANG UKUR DAN PEMETAAN

23 Januari 2024

Seramai 19 orang kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berkunjung ke Geomatics and Land Surveying Discovery Centre (GLSDC) yang bertempat di Aras 4, Wisma Lembaga Jurukur Tanah (LJT) Kuala Lumpur.

Melalui siri lawatan ini, Kakitangan BUP telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan berkaitan bidang ukur tanah bermula dari sejarah, teknologi, aplikasi sehingga produk yang dihasilkan telah pun dimanfaatkan untuk pembangunan negara Malaysia pada masa kini. Sungguh menakjubkan dan teruja sekali apabila dapat meneroka di ruang pameran yang terdapat di dalam galeri berkenaan kerana maklumat dan bahan yang dipamer dipapar dan diperagakan dengan cukup kreatif dan menarik disamping pernyataan maklumat yang berbentuk interaktif.

Sesungguhnya kami warga BUP INSTUN berasa cukup bertuah apabila dapat berkunjung ke GLSDC untuk kali yang pertama ini. Ucapan terima kasih kepada pihak LJT dan penghargaan kepada warga kerja GLSDC di atas kesediaan menerima kunjungan dan melayan kami sepanjang meneroka di dalam galeri berkenaan. Syabas dan tahniah kepada LJT di atas pengwujudan galeri yang sangat hebat serta luar biasa ini.



KURSUS PERSEDIAAN PEPERIKSAAN AMALAN UKUR KADASTER – SIRI 1

29 - 31 Januari 2024

Seramai 70 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman dalam aspek perundangan tanah dan pentadbiran tanah serta kerja-kerja ukuran persempadanan. Sebanyak Sembilan (9) orang penceramah telah terlibat bagi memberi kursus kepada peserta iaitu:

1. Sr Zakaria Bin Abdullah (INSTUN)
2. Sr Abdul Fatah Bin Ibrahim (INSTUN)
3. Sr Fazili Anuar Bin Md Yusuf (INSTUN)
4. Sr Looi Kam Seng (JUPEM)
5. Sr Mohd Farid Al Azmi Bin Isahak (JUPEM)
6. Sr Kamarol Azmil Bin Adzhan (JUPEM)
7. En. Saiful Nizam Bin Yamegun (MDPT)
8. Prof. Madya Dr. Mohd Effendi Bin Daud (UTHM)
9. Sr Dr. Tan Liat Choon (UTM)

Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam persediaan peperiksaan Amalan Ukur Kadaster sekaligus membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa. Serta di samping itu dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.



PENETAPAN SASARAN KERJA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) TAHUN 2024

4 Januari 2024

Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN

Pada 4 Januari 2024 satu perbincangan telah diadakan antara Ketua Bahagian dan Ketua-ketua Seksyen untuk membincangkan sasaran kerja BPP bagi tahun 2024. Setiap ketua seksyen menerangkan aktiviti atau program yang akan diadakan sepanjang tahun 2024 dan juga gerak kerja yang sedang dijalankan. Perbincangan tentang sasaran kerja dilakukan dengan mengikut penetapan berdasarkan Pelan Strategik INSTUN.



SESI KOPI O TEH TARIK BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) BERSAMA PENGARAH INSTUN

8 Januari 2024
Bilik Mesyuarat Persidangan, INSTUN



Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan satu perjumpaan bersama Tuan Pengarah Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Tuan Khairin Nazry bin Karim yang melibatkan seramai 14 orang warga BPP. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan hala tuju, sasaran dan perancangan aktiviti BPP untuk tahun 2024.

Tuan Pengarah INSTUN juga menyampaikan beberapa pendapat bagi meningkatkan lagi pencapaian BPP supaya lebih cemerlang daripada tahun 2023. Sesi perjumpaan ini berjalan dengan lancar dan diharapkan semoga warga BPP dapat meningkatkan prestasi dan terus berdedikasi supaya memberi impak yang baik kepada pencapaian BPP pada tahun 2024 ini.




PENYERAHAN TERBITAN INSTUN DAN PEMINJAMAN BUKU BERKELOMPOK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

10 Januari 2024

Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Pada 10 Januari 2024, Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah ke Perpustakaan Negara Malaysia untuk membuat penyerahan buku terbitan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Sebanyak 6 (enam) buah buku telah diserahkan kepada Pusat Penyerahan Terbitan Negara iaitu buku Bit to Byte, Aku dan Dunia Ukur, Kajian Keberkesanan Penganjuran Kursus bagi tahun 2019-2020, Kompilasi Artikel Generik, Kompilasi Artikel Fungsional dan Buku Program Latihan Sektor Tanah Dan Ukur Negara Tahun 2024.

Selesai penyerahan buku, Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan ke Bahagian Peminjaman Berkelompok untuk membuat pinjaman bahan bacaan. Sebanyak 217 buah buku dari pelbagai bidang telah dipinjam dan akan ditempatkan di Perpustakaan INSTUN untuk bacaan dan rujukan staf INSTUN.



MAJLIS PERPISAHAN ENCIK KHAIRIL AKHTAR BIN GHAZALI MANTAN KETUA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP)

19 Januari 2024

Pejabat Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP), INSTUN



Pada 19 Januari 2024 Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan satu majlis perpisahan untuk meraikan Encik Khairil Akhtar bin Ghazali, sempena pertukaran beliau ke jabatan baru.

Beliau memberikan ucapan dan amanat terakhir kepada semua warga BPP supaya terus bersemangat dan komited melakukan kerja. Tambah beliau dalam ucapannya, beliau seronok selama bekerja di BPP dengan semangat kerjasama dan kekeluargaan warga BPP ditambahkan dengan suasana yang tenang di INSTUN ini. Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar sebagai tanda kenang-kenangan. Warga BPP mengucapkan terima kasih atas jasa dan kerjasama Encik Khairil Akhtar bin Ghazali sepanjang berkhidmat di BPP, INSTUN. Semoga beliau terus cemerlang di jabatan baru.



PERBINCANGAN ANTARA KETUA BAHAGIAN BAHARU BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP), ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI BERSAMA KETUA-KETUA SEKSYEN BPP

22 Januari 2024

Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN

Sesi perbincangan diadakan antara Encik Jacob Raju A/L Jayadurai selaku Ketua Bahagian BPP yang baharu bersama ketua-ketua seksyen BPP. Perbincangan ini bertujuan untuk memperkenalkan BPP termasuk kakitangan BPP seramai 16 orang. Ketua-ketua seksyen juga menerangkan fungsi setiap seksyen dan membentangkan perancangan BPP tahun 2024.



PERBINCANGAN ANTARA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) DAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM)

30 Januari 2024

Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN

Pada 30 Januari 2024, satu perbincangan telah diadakan antara Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM). Perbincangan ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu teknikal. Antara isu-isu utama yang dibincangkan ialah sistem e-Spek, kandungan laman web INSTUN dan pengurusan kandungan digital INSTUN. Perbincangan ini telah mencapai persetujuan di antara kedua-dua bahagian.



PROGRAM JOM SIHAT@INSTUN



17 Januari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)

24 Januari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)

31 Januari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)

Kampus INSTUN



Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan Program Jom Sihat@INSTUN pada setiap hari Rabu. Program ini diadakan dari pukul 7.45 pagi sehingga 10.00 pagi untuk melakukan aktiviti sukan seperti jogging, berbasikal, bermain badminton dan aktiviti sukan yang lain. Warga INSTUN bebas melakukan aktiviti sukan pada waktu yang ditetapkan atas kebenaran dan pengetahuan Ketua Bahagian masing-masing.



LAWATAN PENANDA ARAS JARINGAN TS25

15 Januari - INSTUN telah menerima lawatan daripada guru-guru serta pentadbir SMK Datuk Muhammad Yusof dengan diketuai YBrs. Encik Mustapa bin Basiron, Pengetua sekolah. Lawatan ini merupakan salah satu program Jaringan TS25 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sesi ini dimulai dengan pembentangan pengenalan INSTUN, kemudian disusuli sesi lawatan ke mystudio INSTUN dan diakhiri lawatan ke Balai Cerap Tan Sri Harussani.



SIMBOLIK PENYERAHAN BENDERA JUBLI PERAK INSTUN SEMPENA PENUTUP SAMBUTAN JUBLI PERAK INSTUN

Sesi ini merupakan simbolik kepada berakhirnya sambutan Jubli Perak INSTUN pada April 2024 ini. Sesi ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dengan penyerahan bendera Jubli Perak INSTUN oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Majlis ini telah diadakan di Lobi Blok F11, Kompleks F dengan disaksikan oleh pegawai INSTUN bersama pengurusan tertinggi NRES.

